



BAHASA PENJANA MINDA

BICARA KARYAWAN

Bersama Datuk Dr. Hassan Ahmad
 (Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan/ Mantan Ketua Pengarah DBP Kelima)



Perihal Perlunya Mengetahui Bahasa Kedua

Sering kali kita mendengar orang berkata bahawa orang Melayu perlu mengetahui bahasa kedua, khususnya bahasa Inggeris, kerana kononnya mengetahui bahasa sendiri sahaja tidak cukup untuk memajukan keadaan hidup dan fikiran orang Melayu. Andaiian mereka, bahasa asing itu "lebih mampu" berbanding dengan bahasa Melayu untuk berfungsi sebagai alat kemajuan bangsa Melayu.

Andaiian ini tidak dapat dibuktikan kebenarannya secara teori mahupun praktik. Kita tahu banyak penutur bahasa Inggeris di seluruh dunia, termasuk di negara berbahasa Inggeris seperti Britain dan Amerika, yang tidak maju keadaan hidupnya. Ini bukan salah bahasa Inggeris. Maju atau tidak majunya masyarakat bergantung pada setakat mana mereka menguasai bahasa itu untuk dijadikan alat kemajuan dan sebagai bahasa ilmu.

Begitu juga dengan bahasa Melayu. Kemampuannya untuk menjadi bahasa ilmu dan bahasa pemikiran tinggi tidak terhad. Yang terhad ialah daya kognitif pengguna bahasa ini. Ini bermakna, jikalau orang Melayu berasa tidak mungkin dapat berfikir tinggi atau menuntut ilmu tinggi dengan menggunakan bahasa Melayu sahaja dan terpaksa menggunakan bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris, ini bukan masalah kemampuan linguistik bahasa Melayu tetapi masalah mereka tidak mampu berfikir tinggi dalam bahasa sendiri.

Kita mengetahui bahasa kedua bukan sekadar untuk berbual-bual biasa sesama bangsa sendiri, tetapi lebih bersifat ketamadunan. Kita perlu menguasai bahasa asing untuk mempelajari, mengkaji dan memahami budaya dan tamadun orang lain, dan jika perlu menggunakan hasilnya bagi menambah dan memperkaya ilmu dan fikiran kita tentang kebaikan dan kelemahan tamadun bangsa lain.

Kita boleh mempelajari tamadun bangsa asing melalui terjemahan karya-karya agung bangsa lain dan boleh juga secara langsung, misalnya dengan membaca buku-buku asal yang tertulis dalam bahasa asing itu, atau pergi ke negeri mereka untuk menuntut ilmu dalam bahasa mereka. Inilah tujuan utama mengapa kita perlu mempelajari bahasa asing.

Orang Melayu telah melakukan proses ini sejak abad-abad yang awal lagi. Misalnya, mereka mempelajari dan mengetahui tamadun dan ilmu Islam dengan menterjemahkan kitab-kitab dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu atau, mereka yang mengetahui bahasa Arab mempelajari ilmu dan ajaran Islam itu langsung daripada kitab-kitab bahasa Arab. Pada masa itu ilmu dan ajaran yang baru itu belum ada dalam bahasa Melayu dan dengan menguasai bahasa Arab mereka menterjemahkan Quran dan Hadis ke dalam bahasa Melayu. Tetapi, mereka mengembangkan dan menyebarkan segala ajaran dan ilmu Islam itu kepada masyarakat Melayu dalam bahasa Melayu, tidak

dalam bahasa Arab. Inilah kemampuan budaya bahasa Melayu.

Selepas kemerdekaan, orang Melayu berpeluang menggunakan semula bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Mereka mempelajari sains atau ilmu Barat di universiti di negara ini dalam bahasa Melayu. Tidak timbul masalah bahasa, kecuali setelah segelintir orang Melayu termasuk beberapa orang pemimpin Melayu, menyetujui pendapat yang mengatakan bahawa orang Melayu tidak akan maju dalam ilmu sains (iaitu sains Barat) jikalau ilmu itu tidak diajarkan dalam bahasa Inggeris.

Tidak salah kita mengetahui bahasa kedua dan seterusnya. Yang salah adalah, apabila kita menyebarkan ilmu yang kita peroleh dari tamadun luar itu kepada bangsa kita tidak dalam bahasa kita tetapi dalam bahasa asing itu juga. Inilah punca kemunduran sesuatu bangsa. Mereka tidak berpeluang mengetahui atau mempelajari ilmu orang lain dalam bahasa mereka sendiri. Bayangkan, kalau Islam diperkenalkan kepada bangsa Melayu melalui bahasa Arab sahaja, tidak melalui bahasa Melayu. Mungkin tidak banyak orang Melayu yang memeluk agama Islam kerana mereka tidak faham apa-apa yang disyorkan atau ditulis oleh ulama Melayu dalam bahasa Arab. Demikian juga, dapatkah anak-anak Melayu yang tidak mengetahui bahasa Inggeris dengan fasih mempelajari ilmu sains atau ilmu-ilmu lain dalam bahasa ini?

TAHUKAH ANDA?

Huruf Baharu Tulisan Jawi

Pada dasarnya, seluruh aksara tulisan Jawi berasal daripada huruf Arab yang digunakan untuk menulis mashaf al-Quran sebagaimana bahasa Urdu, Parsi dan Turki. Oleh sebab itu, tulisan Jawi bukan perkara asing bagi masyarakat Melayu yang beragama Islam. Malah ada yang mentakrifkan tulisan Jawi sebagai tulisan yang menyampaikan maksud bertulis bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Arab. Namun begitu, kesemua huruf Arab ini tidak dapat mewakili beberapa bunyi (fonem) atau sebutan yang ada dalam bahasa Melayu.

Untuk membolehkan huruf-huruf Arab ini menjadi media persuratan bahasa Melayu, satu proses penciptaan huruf-huruf baharu telah dilakukan. Usaha secara berperingkat ini dilakukan dengan mengubah suai bentuk asal huruf Arab yang tertentu. Usaha ini dipelopori oleh bangsa Farsi, Turki, Kurdi, Azarbaijan, dan bangsa-bangsa yang mendiami India Utara yang bertutur dalam bahasa Urdu. Idea ini timbul apabila mereka menghadapi masalah kekurangan huruf untuk melambangkan sebahagian bunyi dalam bahasa mereka.

Antara huruf baharu ciptaan mereka yang dimanfaatkan dalam tulisan Jawi ialah huruf "ج", "ك", "ن", "ف", dan "غ". Selain itu, dua huruf lagi, iaitu huruf "غ" dan "ف" dicipta bagi memenuhi keperluan bahasa Melayu. Dalam hal ini, huruf "ج" dan "ف" yang bertitik tiga sebenarnya masing-masing berasal daripada huruf "ح" dan "ق". Huruf "ك" yang bertitik satu pula mengambil bentuk asal huruf "ك". Manakala huruf "ن" berasal daripada huruf "ن" yang kemudiannya ditambah tiga titik. Huruf "غ" dan "ف" pula masing-masing asalnya daripada huruf "ع" dan "و". Keenam-enam huruf baharu ini masing-masing mewakili bunyi-bunyi yang dalam tulisan Rumi dilambangkan dengan huruf c, g, p, ny, ng dan v. Enam huruf ini ditambahkan pada huruf Arab bagi membentuk kumpulan huruf dalam tulisan Jawi yang ada pada hari ini.

Usaha penciptaan huruf baharu ini penting kepada sistem tulisan kerana dapat memperkaya sistem tulisan tersebut. Selain itu, pengadaptasian ini memastikan kelangsungan sistem tulisan berkenaan dan seterusnya mewajarkannya untuk terus bertahan dalam jangka masa yang panjang. Hal yang sama turut berlaku pada bahasa Arab yang menyerap unsur-unsur daripada bahasa asing sama ada dengan menggunakan huruf ciptaan baharu atau menggabungkan dua huruf yang sedia ada.

Oleh Mohd Ridwan Wahab

PEDOMAN PENTERJEMAHAN Bersama Sa'odah Abdullah



Dalam keluaran ini, frasa-frasa yang dikemukakan terdiri daripada frasa yang mengandungi perkataan "cast". Pada peringkat perkataan,

"cast" bermaksud lempar, tebar atau memancarkan, barisan pelakon, acuan, kas plaster (perubatan), arah aliran, patung acuan, dan raut muka.

Berikut ialah frasa-frasa yang berkenaan dan contoh terjemahannya:

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Contoh Penggunaannya
Cast about	Mencari-mencari	Bl: He is casting about for a way to escape. BM: Dia sedang mencari-cari jalan untuk melepaskan diri.
Cast aside	a. Meninggalkan seseorang/sesuatu b. Mengetepikan c. Menyingkirkan/ melupakan sesuatu	Bl: The princess was cruelly cast aside when she failed to produce an heir. BM: Si Puteri ditinggalkan dengan kejam apabila tidak dapat melahirkan pewaris takhta. Bl: You must cast your doubts aside and trust in me. BM: Kamu hendaklah mengetepikan segala keraguan kamu dan percaya kepada saya. Bl: He casts aside all his inhibitions to woo the lady. BM: Dia melupakan segala perasaan yang mengongkong dirinya untuk memikat gadis itu.
Cast away	Terbuang/terdampar	Bl: The sailors were cast away on a small island. BM: Kelasi-kelasi itu terdampar di sebuah pulau kecil.
Cast back	Fikirkan kembali	Bl: Cast your mind back to when you were a child. BM: Fikirkan kembali zaman kanak-kanak anda.
Cast down	Berasa sugul atau sedih	Bl: Edi's mother felt cast down after she saw him boarding the plane for London. BM: Ibu Edi berasa sugul selepas melihat Edi menaiki kapal terbang ke London.
Cast off	a. Meninggalkan seseorang.	Bl: He cast off his old friend from the same village since he moved to the city. BM: Dia meninggalkan kawan lama sekampungnya sejak dia berhijrah ke bandar.

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Contoh Penggunaannya
	b. Membuang/ mencampakkan	Bl: I felt so relieved, as if a great burden has been cast off . BM: Saya berasa amat lega, seolah-olah beban yang berat di bahu telah dibuang .
	c. Melepaskan diri daripada sesuatu.	Bl: The people were able to cast off the chains of dictatorial rule. BM: Rakyat berjaya melepaskan diri mereka daripada belenggu pemerintahan kuku besi.
Cast out	a. Membasmi sesuatu. b. Menghalau/mengusir seseorang keluar	Bl: One of the roles that science plays is in casting out superstitions. BM: Salah satu peranan yang dimainkan oleh sains adalah untuk membasmi kepercayaan karut. Bl: Poor him, they cast him out from the group. BM: Kasihan dia, mereka telah menghalau nya keluar daripada kumpulan itu.
Cast a slur on	Mencemar nama baik	Bl: It is not ethical to cast a slur on someone, when he had left for his new employer. BM: Memang tidak beretika, seseorang yang mencemar nama baik orang lain, apabila ia bekerja dengan majikan baru.
Cast a spell on	Menyihir	Bl: He was speechless as though someone had cast a spell on him. BM: Lidahnya kelu tidak dapat berkata seolah-olah ada orang yang telah menyihir nya.
Cast eyes over	Melihat sepintas lalu/ sekali imbas	Bl: She casts her eyes over the report and immediately returned it. BM: Dia melihat laporan itu sepintas lalu dan terus mengembalikannya.

PERIBAHASA

Hendak Belajar Berenang Dapatkan Itik, Hendak Belajar Memanjat Dapatkan Tupai

Peribahasa ini bermaksud mempelajari sesuatu ilmu hendaklah daripada orang yang pakar atau mengetahui benar-benar akan ilmu itu. Peribahasa ini patut dijadikan panduan dalam menuntut ilmu atau mempelajari sesuatu agar apa yang diperoleh betul dan tidak terpesong kerana merujuk orang yang tidak mahir dalam bidang tersebut.

Oleh Siti Ruzaiha Mohd Riffin

KATA DIALEK

Amben

Dalam dialek Johor, amben bermaksud sejenis lantai tinggi yang berkaki, lazimnya terdapat di bahagian belakang rumah atau dapur yang boleh dijadikan tempat duduk, tempat tidur dan tempat barang-barang yang juga boleh diletakkan di bahagian bawah. Contoh penggunaan: "Mari dok atas amben ni jangan dok kat lantai" (marilah duduk di atas amben ini jangan duduk di lantai).

Oleh Shariffulzan Malek